

PARLIMEN

MALAYSIA

TITAH DIRAJA
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVII
SULTAN IBRAHIM IBNI ALMARHUM SULTAN ISKANDAR

PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS
3 FEBRUARI 2025

Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Segala puji bagi Allah, Tuhan pentadbir seluruh alam. Selawat dan salam kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad, serta keluarga dan para sahabatnya sekalian.

Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat, saudara saudari yang Saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, syukur Saya kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat Saya hadir ke Istiadat Pembukaan Penggal Keempat, Parlimen Kelima Belas pada pagi ini.

Kesempatan ini amat besar ertinya buat Saya, kerana Saya dapat berucap dan menyampaikan pesanan serta berkongsi pandangan secara terus dengan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

2. Saya bersyukur melihat perkembangan ekonomi, termasuk prestasi ekonomi domestik dan pelaburan negara yang semakin meningkat baik. Kadar pengangguran kekal rendah, manakala kadar inflasi kekal sederhana dan terkawal.

3. Pada tahun 2024, prestasi pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar telah mencapai kadar 5.9 peratus dan jumlah perdagangan negara

untuk tempoh sembilan bulan pertama adalah sebanyak RM2.139 trilion melebihi angka RM2 trilion berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya.

4. Saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan di atas prestasi ekonomi negara yang membanggakan ini.

5. Namun begitu, Kerajaan hendaklah menentukan agar prestasi yang baik ini membawa pelbagai nikmat kemakmuran kepada seluruh rakyat, dan bukan hanya membawa kekayaan kepada kumpulan tertentu sahaja.

6. Oleh sebab itu, Saya menyambut baik pendekatan subsidi bersasar yang telah berupaya mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan. Manakala penjimatan yang diperolehi boleh dilaburkan dalam pelbagai sektor penting yang lain.

7. Saya menggesa agar subsidi bersasar tersebut diberikan kepada kumpulan yang benar-benar layak sahaja.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

8. Saya menyambut baik usaha Kerajaan untuk meningkatkan pelaburan asing berkaitan teknologi tinggi dan digital.

9. Pengukuhan infrastruktur dan ekonomi digital, peningkatan keselamatan siber serta penggunaan teknologi terkini hendaklah dilaksanakan segera.

10. Sistem perkhidmatan dan urusan harian Kerajaan juga hendaklah turut menggunakan teknologi digital. Ini bagi menghapuskan semua “*red tape*” yang menyusahkan urusan rakyat serta para pelabur.

11. Lebih penting lagi, urusan Kerajaan secara digital akan meningkatkan ketelusan dan menutup ruang berlaku amalan rasuah serta salah guna kuasa.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

12. Kempen Melawat Malaysia Tahun 2026 bakal memperlihatkan keunikan dan nilai-nilai negara kepada seluruh dunia. Ia juga akan membuka peluang ekonomi dan mengukuhkan imej negara.

13. Oleh itu, semua pihak perlu berusaha untuk menjayakan kempen ini, termasuklah memastikan negara kita dalam keadaan yang bersih dan selamat.

14. Tidak ada pelancong yang akan berkunjung sekiranya negara berada dalam keadaan yang kotor dan kadar jenayah adalah tinggi.

15. Negara kita sangat kaya dengan sumber alam semula jadi yang boleh menjadi tarikan kepada pelancong. Oleh itu, ia hendaklah ditadbir dengan baik dan penguatkuasaan undang-undang diperketat untuk memelihara alam sekitar negara.

16. Penggunaan tenaga boleh baharu dan kenderaan elektrik hendaklah terus diberi galakan sebagai langkah utama dalam memelihara alam sekitar dan mencapai matlamat karbon sifar.

17. Saya berharap, Kerajaan mengambil tindakan proaktif untuk memperkasa sektor pertanian, komoditi dan sistem rantai bekalan makanan. Kerajaan juga wajar terus menyokong pekebun kecil, petani, penternak dan nelayan.

18. Kebajikan dan kesejahteraan rakyat hendaklah terus dibela. Kerajaan perlu terus komited dalam usaha untuk menyediakan peluang memiliki rumah kediaman kepada setiap rakyat jelata.

19. Penyediaan infrastruktur asas, kemudahan kesihatan dan pendidikan hendaklah terus ditambah baik.

20. Saya menghargai pelaksanaan agenda pembaharuan pendidikan, latihan teknikal dan vokasional serta pembangunan belia. Semua inisiatif ini mampu menyediakan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan melahirkan pemimpin negara pada masa hadapan.

21. Saya turut menyokong inisiatif pengukuhan nilai-nilai keluarga dan kesejahteraan masyarakat melalui dasar-dasar yang memartabatkan institusi keluarga.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

22. Pembinaan identiti nasional hendaklah terus menjadi agenda utama negara. Konsep Persekutuan yang menjadi asas penubuhan Malaysia dan teras pentadbiran negara hendaklah dihormati oleh semua pihak.

23. Malaysia akan terus kukuh atas semangat kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Setiap tindakan dan keputusan yang berkaitan mestilah dibincangkan secara sepakat demi masa depan rakyat dan negara.

24. Agenda memperkasa Bumiputera untuk mengukuhkan ekonomi negara dan kemajuan yang inklusif wajar terus dilaksanakan.

25. Sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun ini, Malaysia perlu menunjukkan keupayaan dalam memimpin dan menentukan hala tuju ASEAN.

26. Malaysia perlu kekal tegas mendukung prinsip keamanan dan menentang keganasan serta penindasan ke atas mana-mana negara atau etnik. Peperangan di Gaza perlu segera ditamatkan dan keadilan serta undang-undang antarabangsa hendaklah ditegakkan.

27. Pada masa yang sama, Kerajaan perlu bijak dalam mengekalkan hubungan diplomatik yang baik dengan semua pihak. Kerjasama strategik dalam menangani isu-isu serantau dan sempadan negara perlu ditingkatkan.

28. Tindakan tegas melalui saluran diplomatik, undang-undang dan pertahanan perlu diambil bagi menentukan hak kedaulatan serta kepentingan negara terus kekal terpelihara. Justeru itu, peningkatan aset-aset pertahanan dan keselamatan negara hendaklah terus menjadi keutamaan Kerajaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

29. Parlimen ialah gelanggang pertemuan suara rakyat jelata, tempat di mana undang-undang digubal dan medan semak imbang ataupun "*check and balance*" ke atas pentadbiran negara.

30. Parlimen bukanlah tempat untuk menjerit, menabur fitnah, caci mencaci dan berperangai tidak senonoh. Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah menjadi benteng perpaduan negara, dan bukannya sebagai ejen yang memecahbelahkan negara.

31. Ingatlah, setiap Ahli-ahli Yang Berhormat yang duduk di dalam Dewan yang mulia ini kerana telah dipilih oleh rakyat untuk menjaga nasib mereka.

32. Justeru itu, hentikan tindakan mencetuskan polemik dan bermain politik atas setiap isu. Jangan mementingkan *survival* kelompok sendiri sahaja.

33. Berdebat dan berbahaslah dengan penuh tertib dan bijaksana semata-mata untuk masa depan rakyat jelata dan negara.

34. Akhir kata, Saya mengucapkan penghargaan atas taat setia yang telah dicurahkan kepada Saya dan negara oleh semua anggota Perkhidmatan Awam, Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia serta seluruh agensi Kerajaan yang telah berkhidmat dengan penuh dedikasi untuk negara tercinta.

35. Marilah kita sama-sama berdoa agar Malaysia terus maju dan makmur, aman damai serta seluruh rakyatnya menikmati kehidupan yang sempurna, bahagia dan sejahtera.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah,

Wassamualaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh.